

Islam di Antara Kejahilan Pemeluknya dan Kelemahan Iman.

Apabila ada orang yang mengatakan bahawa teori-teori dan konsep-konsep yang terkandung di dalam syariat Islam itu mendahului akal manusia dari segi pemikiran, maka itu memang benar, kerana yang menciptakan syariat Islam itu adalah Tuhan yang menjadikan sekalian alam. Oleh itu tidaklah menjadi suatu kehairanan kalau kita dapati teori-teori konsep-konsep dan dasar-dasar yang dibawa oleh syariah Islam itu adalah semantap-mantap teori, sekemas-kemas konsep dan setinggi-tinggi dasar yang dijamin dapat membimbing seluruh manusia ke arah penghidupan yang menuju kepada kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Terjemahan bebas oleh: Azmi
(XII)

C: Dakwaan yang mengatakan bahawa setengah daripada hukum-hukum di dalam syariah Islam itu untuk sementara:

Setengah daripada golongan orang-orang yang berpelajaran Barat berpendapat bahawa syariat Islam adalah suatu syariat yang bersesuaian dengan keadaan masa dan zaman sekarang. Hanya sebahagian daripada hukum-hukum yang terkandung di dalamnya boleh dijalankan buat sementara waktu sahaja, yang mereka maksudkan ialah hukum-hukum mengenai jenayah atau *'uqūbāt* yang bertentangan dengan hukum-hukum yang ada di dalam undang-undang Barat – seperti hukuman rejam bagi mereka-mereka yang berzina dan hukuman potong tangan bagi mereka-mereka yang mencuri – kedua-dua hukuman inilah yang mereka katakan boleh dijalankan untuk sementara waktu, (yaitu boleh dijalankan pada zaman kuno, dan tidak sesuai lagi dilaksanakan pada zaman moden ini-P). Tetapi apabila kamu minta daripada mereka suatu hujah atau dalil yang menunjukkan di atas kebenaran dakwaan mereka itu, maka mereka tiada dapat memberikannya. Ini adalah menandakan bahawa pendapat mereka itu sama sekali

tidak berasas dan jauh daripada kebenaran. Pendapat ini pada hakikinya dengan sahaja dibuat-buat setelah mereka dapati hukuman jenayah Islam di dalam dua perkara ini sangat berlawanan dengan hukuman jenayah yang diciptakan oleh pakar-pakar undang-undang Barat itu. Saya percaya kalau sekiranya pada suatu masa nanti undang-undang Barat bersetuju memakai dua cara hukuman jenayah Islam yang tersebut (rejam dan potong tangan) nescaya mereka akan bertukar pendapat, kembali mengatakan bahawa ke semua hukuman-hukuman yang terkandung di dalam syariat Islam itu adalah bersifat kekal abadi dan sesuai dilaksanakan di dalam sebarang masa dan setiap zaman.

Walau bagaimana sekalipun kalau seseorang Islam itu betul-betul dapat memahami dasar-dasar dan konsep-konsep hukum di dalam syariat Islam, nescaya ia tidak mengeluarkan pendapat yang sedemikian rupa, kerana ke semua hukum-hukum yang terkandung di dalam syariat Islam itu adalah bersifat kekal abadi bukan bersifat sementara sebagaimana dakwaan-dakwaan yang mereka ada-adakan itu. Kaedah syarak telah menentukan:

“Bahawa sesuatu hukum kalau ia tidak *dimansūkhkan* (dibatalkan) sebelum daripada wafatnya Rasulullah *salla Allāhu ‘alayhi wa sallam*, maka hukum itu tidak boleh *dimansūkhkan* lagi dan kuatkuasanya tetap akan berjalan hingga ke hari kiamat.”

Lantaran itu sebelum wafatnya Rasulullah *salla Allāhu ‘alayhi wa sallam* al-Qur’ān terlebih dahulu menegaskan di dalam *Sūrah Al-Mā'idah* ayat (3) bahawa agama Islam tah¹ dibina dengan sempurna dan lengkap. Sebagaimana firman Allah:

“Al-yawma akmaltu lakum dīnakum waatmamtu ‘alaykum ni‘matī waraḍītu lakum al-Islāma dīnā”

Maksudnya: “Pada hari ini (Arafah) Aku sempurnakan agama kamu dan Aku cukupkan nikmatKu ke atas kamu, dan Aku redai agama Islam bagi kamu.”

Tidakkah diketahui oleh orang-orang Islam, sekiranya dakwaan yang mengatakan bahawa setengah daripada hukum-hukum di dalam syariat Islam itu hanya boleh dijalankan buat sementara waktu sahaja, bererti akan mengharuskan

¹ Perkataan sebenarnya adalah telah.

Islam di Antara Kejahilan . .

pula hukum-hukum yang lain dilaksanakan buat sementara waktu? Kalau dibiarkan tiap-tiap orang Muslim menjalankan hukum-hukum syarak dengan mengikut hawa nafsu masing-masing, nescaya akan hancurlah Islam.

D: Dakwaan yang mengatakan bahawa setengah daripada hukum-hukum di dalam syariat Islam tidak boleh dijalankan:

Pendapat orang-orang yang mendakwa bahawa setengah daripada hukum-hukum yang terkandung di dalam syaria Islam itu tidak boleh dijalankan sama sekali, maka pendapat mereka itu adalah sangat berlawanan dengan pendapat-pendapat yang terdahulu dari ini. Pendapat yang akhir ini mengakui bahawa setiap hukum yang terkandung di dalam syariat Islam itu adalah bersifat kekal abadi. Tetapi dalam pada itu mereka mengatakan pula bahawa sebahagian daripada hukum-hukum jenayah di dalam syariat Islam itu – seperti potong tangan dan rejam – tidak boleh dikuatkuasakan pada hari ini, dengan alasan dengan kelemahan pemerintahan Islam, dan dengan sebab adanya orang-orang dagang (yang bukan Islam – P). di dalam negeri-negeri Islam, orang-orang dagang ini tidak mahu menerima hukum-hukum Islam yang bercorak jenayah itu dikuatkuasakan ke atas mereka, atau pun kerajaan-kerajaan mereka tidak mahu hukum-hukum Islam yang berat dan tegas itu dikenakan ke atas rakyat-rakyat mereka yang tinggal di dalam negeri-negeri Islam. Oleh sebab inilah timbulnya golongan intelek-intelek Islam sendiri mendakwa bahawa setengah daripada hukum-hukum Islam yang bercorak jenayah itu tidak boleh dikuatkuasakan pada

hari ini, terutamanya kerana mereka takut menjadi kemarahan kepada negeri-negeri asing yang bukan dasar pemerintahannya bercorak keislaman.

Pendapat ini adalah sangat bertentangan dengan agama Islam, sifat takut yang seumpama ini sangat dikutuk oleh Allah *Subhānahu wa Ta’ālā*. Takut yang bukan pada tempatnya. Berhubung dengan perkara ini Allah *Subhānahu wa Ta’ālā* telah berfirman di dalam Al-Qur’an Al-Karim *Sūrah Al-Mā’idah* ayat (44):

“*Falā takshawu al-nās wa ’akshawni walā tashtarū bi’āyati thamanā qalīlā waman lam yahkum bimā anzala Allāh fa’ulaika humu al-kafirūn*”

Maksudnya: “Maka janganlah kamu takut kepada manusia, dan takutlah kepada Aku, jangan kamu berjual ayat-ayat Ku dengan harga yang murah. Barang siapa yang tidak menghukum menurut hukuman yang diturunkan Allah, maka mereka itu termasuk di dalam golongan orang-orang yang kafir.”

Orang-orang yang berpendapat mengatakan bahawa sebahagian daripada hukum-hukum Islam yang bercorak jenayah – seperti potong tangan dan rejam – tidak boleh dijalankan pada zaman ini, maka kepada mereka kita mengatakan: Perkara ini jangan dibimbangkan, kerana kebanyakan daripada fuqaha’ (para ulama fikah) berpendapat bahawa hukuman rejam dan potong tangan itu tidak wajib dijalankan ke atas orang-orang yang bukan Islam sekalipun mereka itu berzina dan mencuri. Tidaklah menjadi suatu kesalahan kalau kita berpegang dengan pendapat ini.

Di sini suka saya mengambil perhatian para pembaca mengenai hukuman

rejam bagi orang-orang yang berzina. Sebenarnya hukuman rejam ini boleh dikatakan *ramziyah* (rumusan) sahaja di dalam syariat Islam, kerana tersangat sukar sekali bagi seseorang itu hendak menuduh atau menetapkan seseorang itu melakukan zina dengan perantaraan saksi-saksi yang adil. Setiap hukuman rejam yang dijalankan (dilaksanakan) pada zaman Rasulullah dan Khulafa’ Ar-Rasyidin adalah dengan sebab pengiktirafan (pengakuan) dari orang-orang yang berzina itu sendiri, bukannya dengan perantaraan saksi-saksi yang disyaratkan oleh syariat Islam. Kerana zina yang wajib dijatuhkan hukuman rejam itu mempunyai dua syarat yang paling ketat sekali:

Pertama: Hendaklah dilihat oleh empat orang saksi yang adil, keempat-empat orang saksi itu hendaklah kesemuanya lelaki.

Kedua: Hendaklah saksi-saksi melihat orang yang berzina itu sedang memasukkan *khashfah* (takuk) kemaluan ke dalam lubang faraj (kemaluan) perempuan. Hal yang seumpama ini luar biasa dan jarang sekali dijumpai. Pada zaman ini pula boleh dikatakan mustahil seseorang yang telah melakukan zina itu mahu mengaku di hadapan hakim dengan mengatakan pada hari sekian, jam sekian ia telah berzina dengan si fulan. (Jadi bagaimanakah hukuman rejam itu dapat dijalankan selagi kedua-dua syarat tersebut tidak didapati? Inilah di antara sebab-sebab maka pengarang buku ini berani mengatakan pendapatnya bahawa hukuman rejam itu boleh dikatakan suatu hukum *ramziyah* (rumusan) sahaja di dalam syariat Islam – P).

Islam di Antara Kejahilan . .

E: Dakwaan yang mengatakan bahawa fikah Islam itu mengandungi pendapat-pendapat ulama ahl fikah (fuqaha’):

Ada setengah daripada golongan orang-orang yang berpendidikan Barat mendakwa bahawa hukum-hukum Islam yang didapati di dalam kitab-kitab fikah itu sebahagian besarnya direka oleh para ulama fikah (fuqaha’), bukannya diambil daripada sumber-sumber al-Qur’ān dan al-ḥadīth. Pendapat mereka itu sungguh mengecewakan sekali. Pada hal jika dibentangkan kepada mereka tentang teori-teori hukum yang terkandung di dalam kitab-kitab fikah Islam yang belum diketahui oleh pakar-pakar undang-undang Barat nescaya mereka akan terperanjat besar menyaksikan bagaimana kecekapan ahli-ahli fikah Islam pada abad ketujuh dan abad yang kedelapan *Milādī* mengatur dan menyusun hukum-hukum syarak yang sebegitu kemas dan rapi di dalam beberapa kitab yang begitu besar dan luas perbahasannya. Sedang pakar undang-undang Barat baharu sahaja menyusun undang-undang negeri yang mereka gunakan pada hari ini di dalam abad yang kesembilan belas dan abad kedua puluh ini.

Pada suatu masa segolongan daripada mereka dengan terus-terang berkata kepada saya: “Mereka berkeyakinan bahawa imam-imam mazhab fikah Islam itu mempunyai kebolehan yang mengatasi kebolehan manusia yang lain, kerana dengan menggunakan fikiran yang luas terbuka mereka dapat mendahului fikiran manusia yang lain selama tiga belas abad.”

Sangat salah benar orang-orang yang mengatakan bahawa hukum-hukum Islam yang

terkandung di dalam kitab-kitab fikah Islam itu direka khas dan diada-adakan oleh para ulama fikah yang lebih terkenal dengan nama “*Al-Fuqahā*”. Kita tak boleh menerima bulat-bulat sangkaan mereka yang mengatakan bahawa imam-imam mazhab Islam itu fikiran mereka mendahului fikiran manusia-manusia yang lain di maya pada ini. Yang sebenarnya cara berfikir yang diamalkan oleh para ulama fikah Islam itu tersangat meluas, fikiran mereka sama sahaja dengan manusia biasa, hanya cara mereka berfikir sangat mengagumkan. Mereka tidak pernah mereka sesuatu hukum yang terbit daripada fikiran mereka sendiri, apa yang mereka lakukan ialah mambahas dan menganalisa sesuatu yang terbentang di hadapan mereka. Sesuatu yang terbentang di hadapan mereka yang saya katakan itu ialah syariat Islam – sebuah syariat yang kaya dengan teori-teori dan konsep-konsep hukum yang teratur rapi – teori-teori dan konsep-konsep hukum dari syariat Islam yang terbentang di hadapan mereka inilah yang mereka bahas, mereka kupas dan mereka analisa menurut pendapat dari pemikiran mereka yang logik. Kemudian hasil dari teori-teori dan konsep-konsep syariah yang telah mereka bahas menurut pemikiran mereka yang logik itu, mereka bentangkan, mereka kemukakan kepada masyarakat umum.

Ini sahajalah yang dilakukan oleh para ulama fikah dan para mujtahidin Islam di zaman silam. Mereka mencuba dengan sedaya upaya mengumpulkan setiap teori dan setiap konsep Islam yang mereka dapati di dalam Al-Qur’ān dan Al-ḥadīth, kemudian mereka susun menjadi sebuah undang-undang

Islam yang dinamakan “*Syariah Al-Islamiyyah*”. Apabila di sana ada orang yang mengatakan rekaan, maka itu adalah rekaan yang datangnya dari syariat Islam sendiri, atau apabila ada orang yang mengatakan bahawa teori-teori dan konsep-konsep yang terkandung di dalam syariat Islam itu mendahului akal manusia dari segi pemikiran, maka itu memang benar, kerana yang menciptakan syariat Islam itu adalah Tuhan yang menjadikan sekalian manusia. Oleh itu tidak menjadi suatu kehairanan kalau kita dapati teori-teori, konsep dan dasar-dasar yang dibawa oleh syariah Islam itu adalah semantap-mantap teori, sekemas-kemas konsep dan setinggi-tinggi dasar yang dijamin dapat membimbing seluruh manusia ke arah penghidupan yang menuju kepada kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Para ulama fikah tidak pernah mengadakan teori “*Al-Musāwah*” (Persamaan), tidak pernah mengadakan teori “*Al-Hurriyyah*” (Kemerdekaan), dan mereka tidak pernah pula mengadakan teori “*Al-‘Adālah*” (Keadilan). Kesemua teori-teori tersebut mereka ketahui dan mereka dapati daripada nas-nas al-Qur’ān dan As-Sunnah (hadith). Ketiga-tiga teori tersebut telah pun kita bentangkan dengan panjang lebar di dalam makalah-makalah yang lalu yang rasanya tak perlu diulangi lagi.

Para ulama fikah tidak pernah membuat teori ‘*Al-Shūrā*’ (Permesyuaratan), tidak pernah membuat teori mengakui kekuasaan hakim – sebagai wakil sesuatu umat – tidak pernah membuat teori tanggungjawab seorang hakim di atas segala kesalahan yang dilakukannya, tidak pernah mengharamkan

arak dan tidak pernah mengharuskan talak, melainkan setelah mereka kethui segala teori-teori tersebut didapati di dalam nas-nas daripada al-Qur’ān dan al-ḥadīth. Segala nas-nas ini telah kita terangkan satu-persatu dengan jelas di dalam makalah-makalah yang terdahulu daripada ini.

Para ulama fikah pernah mengadakan syarat-syarat supaya orang-orang yang berhutang itu menulis hutang piutangnya dengan menggunakan jurutulis (tukang kira-kira atau akauntan) dan mensabitkan hutang-hutangnya itu dengan bertulis di hadapan dua orang saksi terutama di dalam urusan dagang (perniagaan). Tetapi yang menetapkan itu semuanya adalah Allah *Subḥānahu wa Ta’ālā* dengan nas daripada al-Qur’ān yang tercatat di dalam *Sūrah Al-Baqarah* ayat (282):

“Yā ayyuhā alladhīna amanū idhā tadāyantum bidayni ilā ajal musammā fa ’aktubūh walyaktub baynakum kātibu bi al-’adli walā ya’ba kātibu an yaktuba kamā ’allamahu Allāhu falyaktub walyumlilī alladhī ’alayhi al-haqqu walyatūqī Allāha rabbahu walā yabkhas minhu shay’ā fain kāna alladhī ’alayhi al-haqqu safīhā aw ḍā’ifā aw lā yastaḥī’u an yumilla huwa falyumlil waliyyuhu bi al-’adli wastashhidu shahīdayni min rijālikum fa’in lam yakūna rajulayni farajulu wa ’amra atāni mimman tarḍawna min al-shuhadā’ an taḍilla iḥdahumā fatudhakkira iḥdahumā al-ukhrā walā ya’ba al-shuhadā’ idhā mā du’ū walā tas’amū an taktubūh saghīrā aw kabīrā ilā ajalih dhalikum aqsatu ’inda Allāh wa’aqwamu lil shahadati waadnā allā

tartābū illā an takūna tijarata ḥāḍirata tudrūnahā baynakum falaysa ’alaykum junāhu allā taktubūhā wa’ashhidū idhā tabāya’tum walā yudhārra kātibu walā shahīd wa in taf’alū fa innahu fusūqu bikum wattaqū Allāh wayu’alimukum Allāhu wa Allāhu bikullī shay’i ’alīm”

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu berhutang hingga sampai masa (janji) yang ditetapkan, hendaklah kamu tuliskan, hendaklah seorang jurutulis di antara kamu menuliskannya dengan sebenarnya (adil), janganlah enggan jurutulis itu menuliskannya sebagaimana yang telah diajarkan Allah. Oleh sebab itu hendaklah ia menuliskan dan hendaklah membacakan oleh orang yang berhutang akan hutangnya kepada jurutulis itu, hendaklah ia takut kepada Allah Tuhannya, janganlah dikurangkannya hak orang walau sedikit jua pun. Maka jika orang yang berhutang itu kurang akal, lemah atau tiada kuasa untuk membacakan hendaklah walinya membacakan dengan jujur. Persaksikanlah piutang itu dengan dua orang saksi lelaki, dan jika tiada didapati dua orang lelaki, cukuplah seorang lelaki dengan dua orang perempuan di antara orang yang kamu sukai, kerana jika lupa salah seorang daripada keduanya, akan teringat oleh yang lain. Janganlah enggan saksi-saksi itu apabila ia dipanggil orang. Janganlah malas kamu menulis piutang itu sekalipun sedikit atau pun banyak hingga sampai masa janjinya. Demikian itulah lebih adil pada sisi Allah, lebih menguatkan kepada saksi dan lebih dekat kepada tiada keraguan, kecuali perniagaan yang tiada berjanji yang kamu perputarkan di antara kamu, maka tiadalah kamu berdosa jika tiada kamu tuliskan.

Persaksikanlah apabila kamu berjual beli. Tiada boleh memberati jurutulis dan saksi itu. Dan jika kamu lakukan pekerjaan yang dilarang itu, sesungguhnya jadi fasiklah kamu. Takutlah kepada Allah dan Ia mengajarkan kepada kamu pekerjaan yang berguna, Allah mengetahui tiap-tiap sesuatu.”

(Ayat di atas menyuruh orang-orang Islam melakukan surat-menyurat di dalam perkara hutang-piutang serta mengadakan saksi sekurang-kurangnya dua orang lelaki atau seorang lelaki dua orang perempuan – kalau tidak ada didapati dua orang saksi lelaki – dan juga sewaktu mengadakan jual beli, hendaklah dilakukan juga surat-menyurat dengan mengadakan saksi-saksi, kecuali jual beli barang-barang kecil yang digunakan sehari-hari dengan secara jualan tunai. Hutang-piutang untuk orang-orang yang di dalam perwalian (warisan) seperti kanak-kanak yang di bawah umur (belum baligh), orang yang kurang akal dan sebagainya hendaklah dilakukan oleh waris-warisnya atas nama mereka dengan secara jujur. Sistem inilah sekarang yang dijalankan oleh syarikat-syarikat perniagaan yang besar-besar di seluruh dunia *international* – P).

Para ulama fikah belum pernah mengadakan sesuatu hukum ynsg dinamakan hukum *ṭawāriṭ* (darurat atau *emergency*) atau lebih terkenal di dalam istilah undang-undang dengan nama “teori perubahan keadaan”. Tetapi yang sebenarnya hukum darurat ini diambil oleh mereka dari nas al-Qur’ān yang difirmankan oleh Allah *Subḥānahu wa Ta’ālā* di dalam *Sūrah Al-An’ām* ayat (119):

“Wamā lakum allā ta’kulū minma dhukira ismu Allāh ’alaihi waqad faṣṣala lakum mā

Islam di Antara Kejahilan . .

ḥarrama ‘alaykum illā mā ‘iḏturirtum ilayhi”

Maksudnya: “Mengapakah kamu tiada mahu memakan binatang yang disembelih dengan nama Allah itu? Sedang Allah telah menerangkan kepada kamu apa-apa yang diharamkan ke atas kamu, kecuali jika terpaksa kamu memakannya.” Firman-Nya lagi di dalam *Sūrah Al-Baqarah* ayat (286): **“Lā yukallifu Allāh nafsā illā wus‘ahā”**. Maksudnya: “Tiadalah Allah memberati manusia itu melainkan sekadar kuasanya.” Di dalam *Al-Haj* ayat (78) Allah berfirman pula: **“Wamā ja‘ala ‘alaykum fi al-dīn min ḥaraj”** Maksudnya: “Tiada dijadikan Allah di dalam agama sesuatu kesempitan.”

Para ulama fikah tidak pernah mengiklankan dengan sendirinya teori keampunan atas suatu yang dipaksa selain daripada mengambilnya daripada firman Allah di dalam *Sūrah Al-Nahl* ayat (106): **“Man kafara bi Allāh min ba‘di ‘īmānihi illā man ukriha waqalbuha muḥma‘in bi al-‘īmān”** “Barangsiapa yang kafir (ingkar) akan Allah sesudah ia beriman – kecuali orang yang dipaksa – sedang hatinya masih tetap beriman.” dan firman-Nya lagi di dalam *Sūrah Al-Baqarah* ayat (173): **“Innama ḥarrama ‘alaykum al-maytata wa al-dama wa laḥma al-khinzīr wamā uhillā bihi liḡhayr Allāh faman ‘iḏturra ḡhayra bāḡhi walā ‘ādi falā ithma ‘alayh inna Allāh ḡhafūr raḥīm”** Maksudnya: “Hanyalah yang diharamkan Tuhan atas kamu bangkai, darah, daging babi dan yang disembelih bukan dengan nama Allah. Tetapi siapa yang terpaksa oleh keadaan, tidak senghaja hendak melakukan kesalahan dan melanggar aturan, maka tiadalah ia

berdosa. Sesungguhnya Allah itu Maha Pengampun dan Maha Penyayang.”

(Tegasnya ayat ini bermaksud: orang-orang yang diancam kelaparan, sedang mereka tidak memperolehi makanan yang halal, maka dalam keadaan yang memaksa mereka boleh (dibenarkan) memakan makanan apa sahaja dengan niat untuk menghindarkan diri mereka daripada bahaya maut, bukan dengan niat senghaja hendak melakukan perkara yang dilarang itu – P). Dalam perkara terpaksa yang seumpama ini juga Rasulullah *salla Allāhu ‘alayhi wa sallam* ada bersabda di dalam suatu hadithnya yang berbunyi: **“Rafa‘a ‘an ummaḥ al-khaḡā wa al-nisyān Wamā ‘istakraḡū ‘alayh”** Ertinya: “Diampunkan daripada umatku (tiga perkara), tersalah, terlupa dan barang yang dipaksakan ke atasnya.”

Para ulama fikah tidak pernah mendatangkan sesuatu hukum mengenai kanak-kanak, orang gila dan orang yang tidur, tetapi hukum tersebut adalah didatangkan oleh Rasulullah *salla Allāhu a‘alayhi wa sallam* sendiri di dalam suatu hadithnya yang berbunyi: **“Rafa‘a al-qalam ‘an thalatha: ‘an al-ṡabā ḡatta yaḡtalim, wa ‘an al-nā‘im ḡatta yaṡḡū wa ‘an al-majnūn ḡatta yuḡtiq”** “Diangkat hukum daripada tiga orang: daripada kanak-kanak hingga ia bermimpi (baligh), daripada orang tidur sehingga ia terjaga dan daripada orang gila sehingga ia sembuh.”

Para ulama fikah tidak pernah menetapkan sesuatu hukum mengenai ‘*Iqāb* (pembalasan) melainkan hukum didatangkan daripada al-Qur‘an al-Karim melalui firman Allah di dalam *Sūrah Fāḡir* ayat (18): **“Walā taziru wāzīratu wizra ukhrā, wa in tad‘u muthqalatu ilā**

ḡimlihā lā yuḡmal minhu shay‘u walaw kāna dhāḡqurbā”. Maksudnya: “Tiadalah memikul orang yang berdosa akan dosa orang lain, dan jika menyeru orang yang telah berat dosanya, supaya diringankan pikulannya, nescaya tiadalah seorang juga yang mahu memikulnya sedikit juga, meskipun daripada kaum keluarganya yang hampir.” Dan juga diambil daripada sabda Rasulullah *salla Allāhu a‘alayhi wa sallam* yang berbunyi: **“Lā yu‘ākhidhu al-rijal bijarḡrah abihi walā bijarḡrah akḡḡhi”**. Maksudnya: “Seorang lelaki itu tidak akan menanggung dosa bapanya dan juga dosa saudara kandungnya.”

Para ulama fikah tidak pernah memperbeza-bezakan di antara hukum-hukum yang dilakukan dengan sengaja dengan hukum-hukum yang dilakukan dengan tidak sengaja (tersalah), tetapi yang membahagi-bahagikan hukum-hukum tersebut ialah Allah *Subḡānahu wa Ta‘ālā* melalui firman-Nya di dalam *Sūrah An-Nisā‘* ayat (92-93): **“Wamā kāna limu‘min an yaqtula mu‘miān illā khaḡā‘ā waman qatala mu‘minā khaḡā‘ā fataḡrūru raqabati mu‘minati wadḡiyatu musallamatu ilā ahlihi illā an yaṡṡaddaqū fain kāna min qawmi ‘aduwwi lakum wa huwa mu‘min fataḡrūru raqabati mu‘minati wa in kāna min qawmi baynakum wa baynahum mūḡḡhaḡ fadiyatu musallamatu ilā ahlihi wataḡrūr raqabati mu‘minati faman lam yaḡid fasiyām shahrayni mutatābi‘ayni taubata min Allāh wa kāna Allāh ‘alīmā ḡakīmā. Wa man yaqtul mu‘minā muta‘ammidā fajazā‘uhu jahannam khālidā fḡḡhā waghadiba Allāh ‘alayhi wa la‘anahu wa a‘addalahu ‘adhābā ‘aḡīmā.”** Maksudnya: “Tiadalah patut seseorang Islam membunuh Islam yang lain, kecuali jika tersalah (tidak sengaja), barang siapa membunuh seseorang Islam dengan tidak

sengaja maka hendaklah ia memerdekakan seorang hamba yang Islam serta membayar diyah (denda seratus ekor unta) kepada keluarga yang terbunuh, kecuali jika wang denda itu mereka dermakan (berdamai), jika orang yang terbunuh itu setengah daripada kaum yang berseteru dengan kamu, tetapi ia orang Islam, maka hendaklah memerdekakan seorang hamba yang Islam dan tiada wajib membayar diyah itu kepada keluarganya, jika orang yang terbunuh itu di antara kaum kafir tetapi kamu telah membuat perjanjian dengan mereka, maka hendaklah dibayarkan diyah kepada keluarga mereka serta memerdekakan seorang hamba yang muslim. Jika tiada didapati hamba yang muslim hendaklah berpuasa selama dua bulan berturut-turut sebagai penerimaan taubat daripada Allah, Allah Mengetahui lagi Bijaksana. Barang siapa membunuh seseorang Islam dengan sengaja, maka balasannya ialah neraka Jahanam, kekal ia di dalamnya, Allah murka kepadanya dan melaknatinya serta disediakan baginya seksa yang besar.”

Di dalam *Sūrah Al-Baqarah* ayat (178) Allah berfirman pula: **“*Yā ayyuhā alladhīna ’āmanū kutiba ’alaykumu al-qisās fi al-qatlā, al-ḥurru bi al-ḥurri wa al-’abdu bi al-’abdi wa al-’unthā bi al-’unthā, faman ’uḥfiya lahu min akhīhi shay’u fa ’ūtībā’u bi al-ma’rūf wa ’adā’u ilayhi bi ’ihsān, dhalika takhfīfu min rabbikum waraḥmatu, famani i’tadā ba’da dhalika falahu ’adhābu alīm*”** Maksudnya : “Wahai orang-orang yang beriman! Difardukan di atas kamu qisas (menuntut balas) sebab membunuh orang, merdeka dengan merdeka,

hamba dengan hamba, perempuan dengan perempuan, barang siapa mendapat kemaafan daripada saudaranya akan sesuatu, maka hendaklah ia mengikut secara yang patut dengan kebajikan, dan membayar kepada saudaranya itu dengan secara baik. Demikianlah suatu keringanan daripada Tuhan kamu dengan mendapat rahmat, maka barang siapa yang melakukan penganiayaan sesudah itu, maka baginya seksa yang pedih.” Dan firman-Nya lagi di dalam *Sūrah Al-Aḥzāb* ayat (5): **“*Wa laysa ’alaykum junāḥ fīmā akhṭa’tum bih, wa lakin ma ta’ammadat qulūbukum wa kāna Allāh ghafūrā raḥīmā*”** Maksudnya: “Tiadalah kamu berdosa tentang perkara yang tersalah (terkhalaf dengan tidak disengaja), melainkan kamu berdosa bila disengaja oleh hati-hati kamu sendiri, adalah Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”

Demikianlah dengan segala keterangan tersebut kita tidak nampak ada sesuatu teori, sesuatu konsep umum atau sesuatu hukum di dalam syariat Islam melainkan semuanya itu datangnya daripada nas-nas al-Qur’ān ataupun hadith. Para ulama fikah tidak berbuat apa-apa selain daripada menerangkan segala teori dan konsep-konsep hukum yang masih kurang jelas daripada ayat-ayat al-Qur’ān dan nas-nas al-ḥadīth, dengan membentangkan segala syarat-syarat yang wajib dilaksanakan daripada teori-teori dan konsep-konsep hukum yang terkandung di dalam syariat Islam itu, mereka tidak terlibat di dalam sesuatu urusan yang dikatakan mencipta hukum, tetapi mereka hanya bertanggungjawab menganalisa, memberi penjelasan dan menerangkan tentang sesuatu hukum yang mana wajib, yang mana fardu, yang

mana haram, yang mana makruh dan yang mana harus dilakukan oleh setiap umat Islam. Penjelasan-penjelasan yang mereka berikan itu sumber terbitnya adalah diambil daripada ayat-ayat al-Qur’an al-Karim dan nas-nas al-Ḥadīth al-Sharif, tiada suatu hukum pun yang terkandung di dalam kitab-kitab fikah itu yang terkeluar daripada dasar dan konsep-konsep Islam yang sebenarnya.

Suatu kenyataan yang tak dapat disangkal-sangkal akan kebenarannya bahawa para ulama fikah adalah daripada golongan orang-orang Islam yang besar sekali jasa mereka terhadap perkembangan hukum-hukum Islam. Mereka telah memeras otak dan tenaga yang bukan sedikit menyusun undang-undang Islam sehingga terwujudnya sebuah syariat Islam yang kemas dan rapi. Kerana sebagaimana yang kita ketahui bahawa nas-nas al-Qur’ān dan al-ḥadīth itu datangnya hanya dengan secara ringkas dan kadang-kadang tidak berapa jelas berhajat kepada keterangan-keterangan dan penjelasan-penjelasan yang lebih lanjut.

Inilah dia perkara yang sebenarnya untuk menolak dakwaan orang-orang yang didapati di dalam syariah Islam itu adalah direka dan diciptakan oleh para ulama fikah sendiri. Dengan ini nyatalah bahawa segala dakwaan dan tuduhan-tuduhan mereka itu adalah palsu tidak berasas. Kerana orang-orang yang melemparkan tuduhan-tuduhan itu mengqiyaskan (memperbandingkan) di antara syariat Islam dengan undang-undang Barat, sedang keseluruhan undang-undang barat itu adalah diciptakan oleh pakar-pakar undang-undang yang terdiri dari golongan mereka sesama sendiri, sedangkan syariat Islam adalah diatur dan diciptakan oleh Tuhan *Al-’Alīyyu Al-Qadīr*.

Islam di Antara Kejahilan . .

Kalau mereka itu membaca sebahagian daripada pengajaran-pengajaran Mazhab Al-Zāhiriyyin* maka di sana akan didapati bahawa para ulama mazhab tersebut hanya mengakui sumber-sumber hukum ilmu fikah yang boleh diambil dijadikan syariat ialah daripada tiga jurusan sahaja, yaitu ayat-ayat al-Qur'ān , nas-nas al-ḥadīth dan ijmak` ulama, mereka tidak mahu

mengakui qiyas itu sebagai salah satu daripada sumber-sumber hukum fikah. Mazhab Al-Zāhiriyyin ini serupa perjalanannya dengan Mazhab Al-Şahābī.** Meskipun Mazhab Al-Zāhiriyyin ini tidak mahu mengakui qiyas sebagai salah satu sumber-sumber hukum fikah. Tetapi mereka (orang-orang yang menuduh bahawa hukum-hukum fikah di dalam syariat Islam itu adalah diciptakan oleh para ulama fikah), akan dapat menyaksikan bahawa setiap hukum, setiap

konsep dan setiap teori yang terkandung di dalam syariat Islam itu sumber pengambilannya adalah berdasarkan al-Qur'ān dan ḥadīth-hadīth yang sah (diakui). Saya menaruh kepercayaan penuh bahawa dengan segala keterangan-keterangan yang telah saya bentangkan satu persatu dengan jelas tadi, akan dapatlah menarik perhatian orang-orang yang menuduh bahawa hukum-hukum fikah yang terkandung di dalam syariat Islam itu adalah direka dan diciptakan oleh para ulama fikah sendiri.

Semoga dengan keterangan-keterangan tersebut akan dapatlah mereka membetulkan sangkaan-sangkaan dan dakwaan-dakwaannya yang tidak berasas itu terhadap hukum-hukum yang terkandung di dalam kitab-kitab fikah Islam.

Bersambung



Selepas kematian pemimpin negro Martin Luther King diumumkan kerana ditembak oleh seorang kulit putih, maka pergaduhan kaum pun terus berlaku di seluruh Amerika. Dalam gambar di atas kelihatan seorang pemuda negro sedang diancam dengan pisau oleh seorang pemuda Amerika berkulit putih.

Siri Kesah

Tokoh2 Sejarah IV

**GABNOR dan
HAKIM**

sa-buah 60 sen

belanja Pos 10 sen.

Siri Kesah

Tokoh2 Sejarah V

DUSTA YAHUDI

Harag 40 sen

Pos 10 sen

Pesan-lah kapada:

QALAM

8247, Jalan 225,

Petaling Jaya,

Selangor.

*Suatu mazhab fikah yang diasaskan oleh Dawud Al-Aşbahānī. Mazhab ini mengambil sumber-sumber hukum fikah daripada nas-nas al-Qur'ān , al-ḥadīth dan ijmak` sahaja dengan tidak menggunakan hukum-hukum daripada qiyas.

**Mazhab yang diasaskan oleh para Sahabat nabi.